

**Mercy Malaysia Terima RM40,000 Daripada MAS
Bernama
14 May, 2013**

KUALA LUMPUR, 14 Mei (Bernama) -- Malaysia Airlines (MAS) menyerahkan cek bernilai RM40,000 kepada Mercy Malaysia sempena 'MH Walk-A-Fund', yang merupakan sebahagian daripada program transformasi sosial korporat (CSR).

MH Walk-A-Fund ialah lanjutan kepada kempen mengumpul dana sedia ada, "Change for Charity", dengan sumbangan dikumpul daripada tetamu MAS sama ada di dalam pesawat atau di kaunter tiket syarikat penerbangan negara itu.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Ahmad Jauhari Yahya berkata: "Saya mendapat semangat daripada petugas MAS yang turut mengumpul dana untuk tujuan murni ini.

"Semua bahagian banyak berkorban masa dan tenaga untuk menjayakan kempen ini."

MAS dan MERCY Malaysia menjalin usaha sama sejak 2004 bagi memberi sokongan dan bantuan kepada mangsa bencana alam semula jadi.

Dana yang dikumpul disalurkan sepenuhnya secara langsung kepada Tabung Kemanusiaan MERCY Malaysia yang digunakan untuk pelbagai projek di seluruh dunia.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=949450>